

Beri ruang kepada OKU serlah kreativiti

Sehinggalah 290,488 individu kelainan upaya (OKU) sudahpun berdaftar dengan Kementerian Kebajikan Malaysia sehingga Jun 2011. Angka berkenaan agak besar dan memerlukan tindakan pelbagai pihak menyediakan peluang kepada mereka yang berdikari.

Di negara Barat, golongan ini tidak pernah terpinggir. Keluarga mereka tidak berasa malu mempunyai anak kelainan upaya. Membawa mereka bersiar-siar juga tidak menjadi masalah kerana tiada persepsi negatif, malahan wujud pelbagai kemudahan fizikal bagi membolehkan golongan berkenaan merasai kehidupan seperti manusia normal.

Masyarakat di UK beri layanan baik kepada OKU

Pengalaman di United Kingdom juga membuktikan hal ini benar. Golongan ini tidak mendapat pandangan negatif masyarakat. Pada waktu petang, bapa atau ibu menyorong anak istimewa mereka untuk menghirup udara segar di taman rekreasi berhampiran.

Keadaan ini mungkin berbeza dengan pengalaman di negara kita kerana saya mempunyai abang kandung kelainan upaya (fizikal). Dilahirkan tanpa kedua-dua belah kaki, abang saya memang mendapat pandangan berbeza apa-

bila menempuh kumpulan masyarakat luar. Apatah lagi dia lebih selesa berjalan dengan tangan berbanding mengenakan kerusi roda.

Sebagai seorang yang aktif berpolitik dan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Malaysia (PKIPM) Negeri Sembilan serta Exco PKIPM, pastinya penggunaan kerusi roda melambatkan pergerakannya.

Tingkat kualiti hidup OKU

Antara seruannya yang terbaru adalah meningkatkan kualiti kehidupan golongan OKU dengan meningkatkan jumlah penjawat awam daripada golongan ini.

Sungguhpun dikenali hampir segenap daerah, namun, wujud pelbagai reaksi masyarakat yang tidak mengenalnya apabila melihat seseorang berjalan dengan kedua-

“Pelbagai pihak perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran melalui pelbagai cara. Antara pihak yang penting ialah institusi pengajian tinggi”

dua tangannya.

Kejadian ini mengisytarkan bahawa kadang kala isu yang kita rasa begitu hampir dan boleh difahami semua orang, masih menjadi fenomena asing bagi mereka yang masih tidak mahu memahaminya.

Justeru, pelbagai pihak perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran melalui pelbagai cara. Antara pihak yang penting ialah institusi pengajian tinggi, yang mana kedudukan dan reputasi mereka dari segi ilmu dipercayai dan dihormati umum.

Inovasi kemudahan OKU

Menyentuh seruan dan cabaran itu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan Akademi Sains Malaysia (ASM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Persatuan Saintis Malaysia (PERINTIS) bakal mengetengahkan inovasi bertasarkan kemudahan golongan OKU dalam program tahunan yang dikenali sebagai *The Exposition on Islamic Innovation (i-Inova)* pada 25 hingga 27 Oktober depan, selari dengan moto pada tahun ini iaitu *Inspiring Islamic Innovative Minds*.

Program seperti ini bukan hanya menyediakan platform bagi saintis muda untuk me-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

nampilkan kreativiti mereka, tetapi juga adalah ruang bagi golongan kelainan upaya ini untuk melihat sendiri bahawa mereka adalah golongan yang mendapat perhatian dalam kalangan cendekiawan dan mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat.

Dengan program sebegini, golongan ini bukan saja berasakan mereka dihargai, tetapi juga berasakan diri mereka mampu menyumbang lebih jauh ke arah kemapanan dan kestabilan negara dengan kapasiti semakin melebar, kesan sinergi teknologi dan sains kemanusiaan.

Dr Siti Suriani Othman
Pensyarah Kanan Program Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)